

**Selangor Disaran Tidak Bubar DUN Serentak Dengan Kerajaan Persekutuan
Bernama
18 April , 2012**

KUALA LUMPUR, 18 April (Bernama) -- Majlis Pakatan Rakyat mencadangkan kerajaan negeri Selangor supaya tidak membubarkan Dewan Undangan Negeri (DUN) bagi mengadakan pilihan raya serentak dengan kerajaan Persekutuan.

Ketua Pembangkang Datuk Seri Anwar Ibrahim mendakwa langkah itu kononnya untuk memastikan daftar pemilih Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) membabitkan pengundi di negeri berkenaan adalah bersih.

Bagaimanapun, katanya saranan itu tidak membabitkan tiga lagi kerajaan negeri yang ditadbir pembangkang, iaitu Pulau Pinang, Kedah dan Kelantan.

Ketika ditemui pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat majlis tersebut di bangunan Parlimen di sini, Anwar berkata cadangan tersebut telah dikemukakan kepada Menteri Besar Selangor Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim.

Pada 17 Nov lepas, Abdul Khalid berkata, DUN Selangor tidak akan dibubarkan pada awal tahun ini meskipun kerajaan Persekutuan bertindak membubarkan Parlimen dan hanya bersedia menyertai pilihan raya umum ke-13 jika ia diadakan selepas Jun 2012.

---BERNAMA

Hakcipta © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=660051>